

25/02/2001

Umno memang terbuka, betul-betul ikhlas

Zainudin Isa

ADA yang mendakwa dalam merencana pertemuan Umno-Pas untuk penyatuan Melayu sejak kira-kira dua bulan lalu, Pas kononnya meraih banyak 'keuntungan politik'.

Mereka memberi contoh, mengapa perlunya orang Umno sendiri memanggil pertemuan ini sebagai muzakarah, mengapa tidak pertemuan saja, mesyuarat atau bersemuka. Begitu juga kononnya ketika pertemuan pada peringkat jawatankuasa teknikal lagi, Pas sebenarnya memperoleh kemenangan moral pertama mereka. Dikisahkan, pertemuan di sebelah petang itu berhenti rehat untuk bersembahyang waktu berjemaah dengan wakil Umno 'menerima' untuk berimamkan salah seorang pemimpin Pas.

Apabila tarikh pertemuan bersejarah yang ditetapkan pada 19 Februari (Isnin lalu), tidak menjadi kenyataan, sekali lagi dimomokkan cerita bahawa ia satu lagi kemenangan kepada Pas.

Mereka mendakwa kononnya betapa lekehnya Umno yang masih beriya-iyanya 'merisik' walhal bakal isteri atau suami itu belum begitu sudi, sambil mengenakan pelbagai permintaan dan syarat pinangan.

Apa pun, tidak kira apa bahasa yang diguna, analogi atau kisah yang digembar-gemburkan soal membina perpaduan Melayu ini tidak boleh dianggap sebagai satu 'barang permainan.'

Persoalannya, mengapa dalam mencari titik pertemuan ini kita tidak berbalik kepada pesan orang tua? Mengapa tidak dirujuk adat resam dan kesopanan Melayu yang kaya dengan nilai keterbukaan, hormat-menghormati, tertib dan ikhlas.

Dalam soal perundingan Umno-Pas ini, tujuannya cukup jelas iaitu mengembalikan perpaduan Melayu yang tercalar berikutan beberapa isu membabitkan orang Melayu sendiri.

Bagaimanapun, mainan 'tarik tali' dan sifat kebudak-budakan Pas ini membataskan usaha murni ini. Mengapa cukup sukar mencari titik pertemuan, sedangkan urusan itu diadakan di antara Melayu dengan Melayu yang agamanya Islam?

Jika ditinjau keterbukaan Umno adalah jelas dengan berlandaskan prinsip keikhlasan. Malah, rata-rata di kalangan orang Melayu di akar umbi, mereka menaruh kepercayaan bahawa pertemuan ini nantinya bakal menjadi satu formula perpaduan ideal, tatkala orang Melayu semakin diasak oleh pelbagai tuntutan serta perjuangan memartabatkan agenda Melayu.

Sayangnya, keikhlasan Umno itu bagai dibalas tuba oleh Pas. Mereka mentah-mentah menangguk pertemuan itu kononnya selagi tuntutan berkenaan tidak dilaksanakan, pertemuan itu sukar menjadi kenyataan.

Apa salahnya Pas mengambil teladan daripada sikap dan semangat yang ditunjukkan Allahyarham Datuk Mohd Asri Muda yang bersetuju dengan pelawaan Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein untuk berunding dengan Umno pada 1972? Jangan pergi jauh lagi bagaimana sikap dan keterbukaan Rasulullah mengadakan rundingan dengan puak Musyrikin.

Apa pun, di kalangan pemerhati politik, dolak-dalik Pas ini sebenarnya sebahagian taktik lama mereka untuk meraih sentimen dan sokongan politik. Mereka percaya bahawa inilah masa yang sesuai untuk mengeksploitasi kelemahan Umno.

Barisan pemimpinnya percaya, terutama golongan muda bahawa inilah cara untuk membalas dan menyerang Umno yang dianggap semakin terdesak untuk memperolehi sokongan dan undi Melayu.

Hipotesis bagaimana mereka mengeksploitasi mungkin begini. Pertama,

selepas Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob mengumumkan Umno bersedia berbincang apa saja isu membabitkan perpaduan orang Melayu, termasuk isu Datuk Seri Anwar Ibrahim, Pas lantas mengenakan tiga tuntutan lain.

Tiga tuntutan dikenali prasyarat sebelum bersetuju meneruskan perbincangan pada hari yang ditetapkan pada 19 Februari itu, iaitu:

- * Kerajaan Pusat perlu mengembalikan royalti minyak kepada Terengganu;
- * Membenarkan penerbitan Harakah dua kali seminggu; dan
- * Meminta kerajaan menolak cadangan Umno supaya menggugurkan perkataan Islam pada parti politik.

Tidakkah itu menandakan Pas mengambil kesempatan daripada keterbukaan Umno bagi menjayakan pertemuan itu?

Keduanya, rata-rata masyarakat kian mempersoalkan siapa sebenarnya yang takut untuk bertemu dan bermuzakarah, Pas atau Umno. Ini juga satu keuntungan kepada Pas apabila di hati orang Melayu sudah mula berbelah-bahagi.

Tambahan lagi jika kita amati kenapa secara tiba-tiba Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mengeluarkan kenyataan alasan Pas menengguhkan pertemuan pemimpin itu sebagai langkah berwaspada bagi mengelak daripada dieksploitasi. Sedangkan, sebelum ini Nik Abdul Aziz beriya-ya benar menggalakkan muzakarah itu kerana ia selaras dengan tuntutan Islam.

Jadi dalam soal ini siapa yang mengeksploitasi siapa? Apakah pihak yang mengemukakan pelbagai tuntutan dan prasyarat kononnya supaya wujud 'suasana kondusif' sebenarnya yang cuba mengeksploitasi pertemuan ini.

Keterbukaan Umno masih jelas dipertahankan sehingga hari ini bahawa meskipun Pas menengguhkan pertemuan dan mengemukakan ratusan atau ribuan tuntutan, Umno masih bersedia untuk bertemu.

Malah, untuk menjaga hati Pas, dua hari sebelum tarikh 19 Februari, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, enggan memberi sebarang ulasan. Beliau bimbang jika mengulas walaupun hanya pendapat peribadinya akan menyebabkan perasaan orang yang dilamar (Pas) boleh tersinggung.

Malah, Khamis lalu, selepas empat hari pertemuan yang sepatutnya dilangsungkan itu ditangguhkan, Dr Mahathir masih menyatakan kesediaan Umno untuk berbincang dengan syarat parti pembangkang itu tidak meletakkan sebarang syarat.

"Kita nak supaya kita bertemu kerana daripada pertemuan ini kita yakin akan mendapat sesuatu kebaikan daripadanya," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno.

Begitu juga hasrat beberapa pemimpin kanan Umno masih mengharap agar Pas menolak keegoan mereka, tetapi biarlah duduk berbincang dulu. Mereka percaya apa salahnya perkara yang baik itu sewajarnya disegerakan.

Umpamanya, kelmarin Naib Presiden, Datuk Seri Najib Tun Razak, dipetik sebagai berkata: "Kalau masing-masing meletakkan syarat sampai sudah kita tidak akan bertemu.

"Gugurkan syarat itu dan bawa dalam pertemuan. Saya fikir itulah langkah sebaik-baiknya sebab mereka tidak rugi."

Apapun, menurut satu sumber, jika ahli Umno boleh berpakat untuk mengadakan gencatan mulut dan berhenti membuat telahan, andaian dan provokasi mengenai sikap Pas itu, tiada sebab pertemuan itu tidak boleh menjadi kenyataan.

"Kita khuatir daripada penjelasan dan komen mereka ini akan timbul pula kenyataan yang tidak membantu ke arah pertemuan yang dicita-citakan Presiden parti.

"Biarlah usaha dan proses selanjutnya dilakukan oleh Tan Sri Khalil," katanya.

Lain pula di kalangan pemimpin Barisan Alternatif, terutamanya Keadilan.

Mereka juga dikhabarkan tidak begitu selesa melihat pertemuan ini berjaya. Pada mereka, jika Pas mengikuti rancangan Umno bererti ia menjayakan hasrat Umno untuk menarik hati pengundi Melayu, khususnya generasi muda menjelang Pilihan Raya Umum 2004.

"Itulah masalah besar dihadapi Umno pada 2004 nanti. Jadi, mereka lihat dengan memujuk Pas hari ini, orang Melayu akan lihat betapa kekusutan telah dilerai dengan cukup baik dan mulia.

"Jika peristiwa atau gambar pemimpin tertinggi ini bertemu, berpeluk atau bersalaman dirakam, ia sudah cukup menjadi senjata kuat Umno untuk melawan Pas pada kempen 2004 nanti," kata salah seorang pemimpin kanannya.

Sewajarnya, awal lagi isu bertolak ansur dan mengalah ini menjadi dokongan dalam merencana pertemuan Umno-Pas ini.

Jika kedua-dua parti meletakkan asas kepercayaan dan keikhlasan untuk mewujudkan penyatuan dan perpaduan jitu, sepatutnya pertemuan Umno-Pas ini tidak perlu tangguhkan.

Adakalanya, kita terlalu terbawa-bawa dengan perasaan dan falsafah kononnya sampai bilapun hubungan parti pemerintah dengan pembangkang tidak boleh duduk semeja, ibarat anjing dengan kucing.

Tapi, dalam konteks pertemuan Umno-Pas kali ini, ada baiknya kita merenung ungkapan bahawa tanpa perpaduan tiada keamanan, dan tanpa keamanan tiada pembangunan.

(END)